

**MAJLIS SAMBUTAN SISWA SISWI (AKUJANJI PELAJAR)**  
**SEMPENA**  
**MINGGU SUAIKENAL SIDANG AKADEMIK 2011/2012**  
**BAGI PENGAMBILAN DIPLOMA**

**Teks Ucapan**

**BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

**Dibaca oleh**  
**Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**  
**Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**  
**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**  
pada 10 Jun 2011, di Dewan Capitol UniMAP, Kangar, Perlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Dan yang dikasihi pelajar-pelajar baru Diploma, Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2011/2012.

Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan mengucap syukur kehadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan keizinanNya, membolehkan kita untuk bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Sambutan Siswa Siswi (AKUJANJI PELAJAR) sempena Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2011/2012 bagi pengambilan Diploma. Saya mewakili seluruh warga UniMAP ingin mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar baru Diploma yang secara rasminya menjadi ahli keluarga UniMAP pada 5 Jun 2011 yang lalu. Tahniah kerana telah melangkah ke satu fasa baru dalam hidup anda yakni dengan bergelar mahasiswa universiti – satu alam yang menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam mendaki ke puncak jaya. Terima kasih dan syabas kerana memilih UniMAP yakni **Universiti Pilihan yang Berdaya Saing' / 'A Competitive University of Choice'** sebagai universiti pilihan anda.

Saya juga ingin menyampaikan **salam maaf dari perantauan** oleh Naib Canselor kita iaitu Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin kerana tidak dapat bersama-sama pada hari ini berikutan kekangan urusan lain di luar negara. Namun begitu, harapan beliau agar para pelajar baru UniMAP akan berasa gembira dan selesa dengan semua kemudahan yang telah kita sediakan untuk anda. Di sini ada serangkap pantun yang diminta oleh Naib Canselor kepada saya untuk dibacakan kepada anda semua.

**Sungguhlah sedap, sajian hidangan,  
Masak lemak, daun geti,  
Walau saya, jauh di perantauan,  
Anda semua, tetap di hati.**

Izinkan saya untuk melaksanakan amanah yang tergalas dibahu saya ketika ini iaitu membaca teks ucapan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Diharap para pelajar akan menghayati setiap bait ayat dengan sebaiknya.

Para pelajar yang dikasihi,

Anda adalah amanah yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada setiap ibu dan bapa di muka bumi ini. Mereka mendidik dan membelai anda seperti menatang minyak yang penuh. Perhatian dan kasih sayang mereka kepada anda tidak pernah luak. Harapan yang tinggi menggunung juga tersandang dibahu anda sekalian.

Tatkala kaki anda menjelaki ke sini – menara gading, ibu bapa di rumah merencanakan pelbagai angan-angan untuk melihat anda berjaya satu hari kelak. Semua ini jelas terpapar tatkala saya melihat wajah mereka pada hari pendaftaran Ahad lalu. Raut wajah mereka yang riang lahir dari rasa hati yang gembira melihat anda semua di sini. Saya pasti rasa gembira itu adalah kerana harapan dan impian mereka untuk melihat anda berjaya dan membantu merubah nasib keluarga serta menjadi penyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat akan tercapai.

Saya juga yakin, saat dan ketika ini, **semangat untuk berjaya sedang berkobar-kobar dalam sanubari anda.** Tetapi saya juga tertanya-tanya adakah semangat ini akan berkekalan sehingga anda menjakkan kaki di pentas pada hari graduasi kelak. Hal ini kerana, semangat yang berkobar-kobar ini kadang-kala akan malap dan tidak kurang juga padam setelah beberapa semester mengharungi cabaran hidup di alam kampus. Ini tidak lain kerana anda akan menghadapi pelbagai dugaan sebelum layak digelar sebagai graduan. Tetapi walau apapun dugaan yang mendatang, walau berkali jatuh tersungkur, walau terpesong di persimpangan jalan, walau terkadang jalan terasa gelap, apa yang boleh saya ucapkan - bangkitlah... dan terus gagah mara kehadapan kerana di hujung jalan ini, ada hadiah istimewa sedang menanti iaitu segulung Diploma dan senyuman manis ibu dan bapa anda sekalian.

Sekiranya momentum belajar anda menurun, ingatlah kepada ibu dan bapa yang bersusah payah menghantar anda ke sini dengan harapan untuk melihat anda berjaya. Jangan pula lupa bahawa, dewasa ini semakin ramai pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang tetapi mungkin ramai di antara mereka yang tidak bernasib baik seperti anda yang berjaya menempatkan diri di menara gading. Oleh itu, saya amat berharap agar peluang yang terbentang di hadapan anda ini akan digunakan dengan sebaiknya. Usahlah leka dan alpa dalam perjalanan untuk menuntut ilmu demi menggenggam segulung Diploma. Berusahalah dengan sebaiknya dan hadiahkanlah keputusan peperiksaan yang cemerlang buat ibu dan bapa anda. Harapan saya, semoga usaha anda kini akan menguntumkan senyuman buat mereka kelak.

Untuk pengetahuan para pelajar juga, UniMAP mempunyai lapan pusat pengajian dan menawarkan 6 program pengajian Diploma. UniMAP mula menawarkan program Diploma pada 2006 dengan kemasukan seramai 294. Pada tahun 2007 pula, jumlah kemasukan adalah 256 dan 2008 pula seramai 278 pelajar Diploma telah mendaftar di UniMAP. Manakala bagi 2009/2010 pula, pelajar Diploma kita adalah 292. Bagi sesi pengambilan pelajar 2010/2011 iaitu tahun lepas, seramai 254 telah mendaftar. Saya bagi pihak UniMAP berasa amat bertuah kerana pada sidang akademik 2011/2012 ini kita menerima jumlah pelajar Diploma seramai 314 pelajar. Jika mengikut peratusnya pula 70% (220) pelajar lelaki dan 30% (94) pelajar perempuan. Ini bermakna

jumlah pendaftaran pelajar Diploma pada tahun ini telah menunjukkan peningkatan yang agak besar. Ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan dan membuktikan UniMAP semakin mendapat kepercayaan para pelajar dan ibu bapa sebagai sebuah Universiti Teknikal di Malaysia yang menepati kehendak mereka.

Para pelajar yang dikasihi,

Seperti yang kita sedia maklum, minggu suaikenal ini direncana secara terperinci dengan pengisian aktiviti yang padat. Pasti ada yang merungut keletihan kerana tidak cukup rehat dan sebagainya. Namun, minggu suaikenal ini adalah sangat penting bagi membantu anda untuk menyesuaikan diri. Hal ini kerana sistem pembelajaran di Universiti jauh bezanya daripada sistem pembelajaran di peringkat sekolah, jika dahulu anda ibarat disuap dengan segala bentuk kesenangan dan kemudahan tapi kini sudah sampai masanya anda perlu berusaha sendiri. Di universiti, kebanyakan perkara akan diputuskan oleh mahasiswa itu sendiri.

**Putih dan hitam bergantung kepada mahasiswa. Berusaha mencari nota, berusaha mencari maklumat berkaitan pelajaran anda dan berusaha untuk memajukan diri anda sekali gus mewujudkan persaingan sihat dikalangan anda semua.**

Kehidupan di kampus memerlukan anda untuk cekap merancang dalam mengikuti kuliah atau aktiviti harian yang lain universiti.

UniMAP mempunyai kampus yang berkonsepkan kampus teragih atau 'distributed campus'. Sebagai contoh, untuk ke perpustakaan para pelajar harus ke Kangar iaitu ke bangunan KWSP yang menempatkan **Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar, makmal serta Perpustakaan**. Manakala di Kampus Tetap UniMAP di Pauh Putra, terletaknya Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Pembuatan dan Mekatronik. Di Kampus UniMAP Kubang Gajah, Arau pula terdapat Pusat Sukan dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Di Jejawi pula ditempatkan bangunan pusat-pusat pengajian dan manakala di Kuala Perlis sendiri terdapat, pusat kejuruteraan UniMAP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), makmal serta kolej-kolej kediaman.

Walaupun begitu, UniMAP tetap menyediakan kemudahan dan prasarana yang sebaik mungkin bagi memastikan setiap pelajar baru menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus ini. Umpamanya, perkhidmatan bas berjadual yang sentiasa diperbaiki dan ditambah jumlahnya dari semasa ke semasa bagi memastikan pergerakan pelajar-pelajar ke setiap cawangan di kampus yang teragih ini tidak terjejas. Selain itu, kolej kediaman pelajar sentiasa dipertingkatkan perkhidmatan dan kemudahannya dari masa ke masa bagi memastikan keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin. Begitu juga dengan setiap kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar akan sentiasa dipastikan berkualiti dan mencukupi.

Dikesempatan yang ada ini, ingin saya kongsikan **kemudahan prasarana yang dimiliki oleh UniMAP** dan saya yakin ianya setanding dengan IPTA lain.

- Buktinya sebagai contoh UniMAP memiliki **kemudahan makmal pengajian dan penyelidikan yang terbaik di rantau ini**. Sebagai contoh, makmal pengajaran fabrikasi semikonduktor, Clean Room yang berkonsepkan seperti di industri sehingga kilang-kilang yang berkaitan di Malaysia menjalankan kerjasama dengan UniMAP untuk melatih pekerja mereka.
- Memiliki tenaga pengajar mahir dari dalam dan luar negara contohnya dari Australia, Iraq, Indonesia, Bangladesh, India, Britain, Mynmar, Republik Kyrgyz, Pakistan & Jepun.
- Telah menghasilkan banyak produk penyelidikan yang telah memenangi banyak pingat di pertandingan peringkat **kebangsaan dan antarabangsa** antaranya di Geneva, Warsaw, Nuremberg, Seoul, Brussels dan Pittsburgh.

Hasil dari kemudahan prasarana dan sistem pembelajaran yang diamalkan oleh UniMAP, kita menerima maklumbalas yang amat positif dari pihak industri. Pihak industri memaklumkan bahawa para pelajar UniMAP amat cemerlang kerana mampu melaksanakan apa juu tugasan yang diberikan dalam menjalani latihan industri mereka. Hal ini kerana, UniMAP sangat komited untuk melahirkan para graduan yang sedia bekerja dan ini

sekaligus menjimatkan masa kerana mereka tidak perlu lagi menghadiri kursus tiga bulan yang disediakan oleh pihak industri kepada pekerja baru mereka. Kebanyakan pelajar kita yang menjalani latihan industri di kilang-kilang atau mana-mana syarikat akan dipanggil balik untuk bekerja selepas bergraduat.

Hal ini terbukti kerana bermulanya tahun 2006 (konvokesyen pertama) sehingga kini, graduan kelahiran UniMAP telah ditawarkan pekerjaan sebelum konvokesyen diadakan. Misalnya bagi **kohort pertama-2006 - 100% mendapat pekerjaan, Kohort kedua-2007 - 88%, Kohort ketiga iaitu pada tahun 2008 – 85% dan Kohort keempat 2009 – 68%**. Manakala bagi Kohort kelima iaitu **pada tahun 2010, sebanyak 76% telahpun mendapat pekerjaan**. Ini adalah data yang saya perolehi setakat 6 bulan selepas mereka bergraduat. Secara puratanya, peratus kebolehpasaran graduan **UniMAP dari tahun 2006 hingga 2010 adalah 80 peratus**. Selebihnya adalah mereka yang tidak dapat dikenalpasti status pekerjaannya. Namun saya percaya, mereka sedang mencipta kerjaya masing-masing. Manakala 80 peratus yang bekerja ini adalah mereka yang telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi.

Para pelajar yang dikasihi,

Setiap universiti di dunia ini mempunyai budayanya yang tersendiri. Begitulah juga dengan UniMAP. Motto UniMAP iaitu ‘ilmu, keikhlasan, kecemerlangan’ adalah tunjang kepada budaya UniMAP yang kita terapkan kepada setiap warganya. Kita percaya ilmu adalah sepohon rendang yang akarnya memenuhi dada bumi menjadi tunjang yang teguh bagi menghadapi taufan kejahilan. Orang yang berilmu juga laksana pohon rendang dapat menjadi teduhan kepada sesiapa sahaja. Ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepada-Nya mendasari penerokaan ilmu. Kami di UniMAP percaya bahawa sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan cara yang betul, pasti kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya.

Ada pepatah mengatakan ”Menuntut ilmu biar sampai ke negara China”, membawa maksud tidak kiralah walau sejauh mana penghijrahan kita asalkan demi menuntut ilmu. Walau sejauh mana kita melangkah, jangan lupa, untuk menadah tangan memanjatkan doa dan tawakkal kepada Allah S.W.T kerana hanya dengan keizinanNya barulah para graduan yang bersahsiah dan memenuhi kehendak pasaran kerja mampu dilahirkan.

Inilah yang menjadi harapan UniMAP kepada semua pelajar baru untuk bersama-sama menghayati moto ‘ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan’ seperti mana yang kita sama-sama menyanyikan

lagu rasmi, 'WAWASANKU' sebentar tadi. Lirik lagu ini mempunyai maksud yang tersendiri dan sejajar dengan falsafah yang kita dukung.

UniMAP juga telah mengariskan misi iaitu untuk melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Manakala visi universiti pula adalah untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Sebagai pelajar-pelajar baru di UniMAP, saya berharap anda akan dapat memahami dan menghayati misi dan visi ini sebagai panduan utama untuk kita semua bergerak seiring untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan universiti.

UniMAP berazam untuk melahirkan lebih banyak siswazah yang berkualiti dan mampu menjadi aset berharga negara sekali gus bakal mewarnai kanvas kehidupan bangsa dan penggerak tamadun yang bakal dijulang. Oleh itu adalah menjadi tugas para pelajar yang berada dihadapan saya hari ini untuk memikul tanggungjawab ini dalam merealisasikan keazaman UniMAP.

Para pelajar yang dikasihi,

Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan menjadi kunci

kejayaan sepanjang proses tersebut. Dalam menyahut cabaran untuk melahirkan mahasiswa kelas pertama unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar. Oleh itu untuk mencapai kejayaan dan digeruni di masa hadapan, usaha padu perlu dilakukan dari sekarang. Harapan saya dan seluruh warga UniMAP kepada anda sekalian amatlah tinggi dalam usaha untuk melahirkan insan yang berkeperibadian unggul (towering personality) dengan memiliki kualiti utuh dan menyeluruh. Harapan kami ialah:

- Pertama, akan melahirkan bakal-bakal graduan lepasan ijazah dan diploma yang berkualiti dari segi pencapaian akademik iaitu graduan kelas pertama (CGPA 3.67 ke atas) sebanyak 20% dan graduan kelas dua ke atas (CGPA 3.0 – 3.66) sebanyak 60%.
- Kedua, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai soft skill yang tinggi iaitu mempunyai daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa lain yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik dan disayangi oleh ramai stakeholder (pelanggan)
- Ketiga, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai minda dan sahsiah kelas pertama.
- Keempat, libatkan 100% pelajar dalam kegiatan sukan, kerja-kerja amal dan masyarakat.
- Kelima meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang sukan olahraga, sukan permainan dan kebudayaan agar berupaya

memenangi lebih 40% pingat dan sekurang-kurangnya 8% adalah pingat emas dalam pertandingan sukan antara universiti, dan

- Keenam melibatkan 5% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui pertukaran pelajar dalam bidang sukan, kebudayaan dan menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa seperti bahas, keusahawanan, rekacipta dan lain-lain lagi.

Bagi memenuhi harapan kami ini, saya berharap anda semua tekadkan usaha untuk menjadi yang terbaik di antara yang terbaik. Ingatlah tiada jalan singkat dalam mencapai kejayaan. Ibarat seperti kata pepatah Melayu, yang bulat tidak akan datang bergolek, dan yang pipih tidak akan datang melayang. Akhir kata, selamat maju jaya, dan semoga dapat menempuh alam kehidupan di menara gading dengan jayanya.

Seterusnya saya akan memperkenalkan barisan Ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis.

1. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin  
Naib Canselor
2. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan  
Antarabangsa)
3. Prof. Dr. Ismail Daut  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

4. En. Zuber Hj. Mohamad  
Pemangku Pendaftar
5. Pn. Saodah Hassan  
Bendahari
6. Pn. Mazmin Mat Akhir  
Pustakawan Kanan
7. En. Razli Ahmad  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
8. Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti)
9. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain  
Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat)
10. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin  
Dekan Pengurusan Akademik
11. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid  
Dekan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
12. Prof. Madya Dr. Johari Adnan  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik

13. Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer &  
Perhubungan
14. Dr. Mohd. Fareq Abd. Malek  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
15. Dr. Khairel Rafezi Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
16. Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
17. Dr. Khairul Azwan Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
18. Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
19. Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar

20. Prof. Madya Dr. Hazry Desa  
Dekan  
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan  
Teknousahawan
21. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor  
Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah
22. Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid  
Dekan  
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
23. Prof. Madya Abdul Rahman Mohd Saad  
Dekan  
Pusat Kejuruteraan
24. Prof. Madya Abdull Halim Abdul  
Dekan  
Institut Matematik Kejuruteraan
25. Prof. Madya Dr. Kong Wah @ Syaharom Abdullah  
Dekan  
Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
26. Prof. Dr. Uda Hashim  
Pengarah  
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
27. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid  
Pengarah  
Jabatan Pembangunan

28. En. Nor Azmi Hj. Johari  
Pengarah  
Jabatan Keselamatan
29. Dr. Yufridin Wahab  
Pengarah  
Pusat Kerjasama Industri
30. En. Nasrudin bin Abdul Shukor  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
31. En. Afizal Abu Othman  
Pengarah Pusat Sukan/Pengetua Kolej-kolej  
Kediaman
32. Prof. Madya Ye Htut @ Mohammad Iqbal Omar  
Pengarah  
Pusat Kesihatan
33. En. Ahmad Fahmi Mahamood  
Pengarah  
Pusat Ko-kurikulum
34. Prof. Datuk Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din  
Pengarah  
Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan  
dan Pengurusan Harta Intelek

35. Ustaz Hassan Arshad  
Pengarah  
Pusat Islam
36. Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar  
Pengarah  
Unit Pembangunan Agroteknologi
37. Puan Husna 'Afifi Mohd. Yusoff @ Mat Jusoh  
Pengarah  
Unit Kebudayaan dan Rekreasi
38. Dr. Mohd. Mizan Mohammad Aslam  
Pengarah  
Unit Pembangunan Lestari
39. Prof. Dr. Asiah Sarji  
Pengarah  
Unit Penerbitan
40. Prof. Madya Ir. Shuib Sahudin  
Pengarah  
Unit Kualiti dan Akreditasi
41. Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin b. Bahari  
Pengarah  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
42. Dr. Ku Mohd. Nabil b. Ku Hamid @ Ku Ismail  
Pengarah  
Unit Pengajaran dan Pembelajaran

43. En. Hirwan Jasbir Jaafar  
Pengarah  
Unit Kajian Strategik
44. En. Baharuddin Ismail  
Pengarah  
Unit Penyelarasan Program Diploma
45. Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah  
Pengarah  
Unit Media
46. En. Mohamad Ezral Baharudin  
Penyelaras Unit Multimedia/  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman
47. En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman
48. Pn. Ummi Noor Nazahiah Abdullah  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman